

21 DEC 2002

CADANGAN PEMEGANG PAS SEMPADAN THAI DIBENAR MASUK HINGGA KUALA LUMPUR

JITRA, 21 Dis (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata beliau akan mencadangkan kepada kerajaan supaya membenarkan pemegang pas sempadan dari Thailand melakukan perjalanan sehingga Kuala Lumpur.

Beliau berkata kelonggaran itu bakal menguntungkan industri pelancongan negara sebab lebih banyak rakyat negara jiran itu akan datang melawat tempat-tempat menarik di Malaysia.

Peraturan sekarang hanya membenarkan pemegang pas sempadan pergi ke tempat-tempat berdekatan dengan pintu sempadan, katanya kepada pemberita sebelum majlis perasmian Dewan Wawasan Jitra oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

"Kerajaan Thai telah melonggarkan syarat pas sempadan dengan membenarkan rakyat Malaysia membuat perjalanan sehingga Bangkok dan pihak berkuasa negara kita juga perlu membenarkan pemegang pas sempadan dari negara itu pergi sehingga Kuala Lumpur," tambahnya.

Abdul Kadir berkata beliau difahamkan bahawa rakyat Thai yang ingin memohon pasport perlu ke Bangkok dan proses permohonan itu juga memakan masa, dan akibatnya tidak banyak rakyat negara itu yang berminat ke negara ini.

Tetapi permohonan pas sempadan lebih mudah dan boleh diperolehi segera, katanya.

-- BERNAMA

MZM HM